



SITI Najwa (kiri) merasakan dirinya insan yang bertuah.

Nikmat tarikh unik

Putrajaya: Umurnya sudah menjangkau 24 tahun, namun Siti Najwa Mohamad Lotphi hanya berpeluang meraikan ulang tahun kelahiran sebanyak enam kali saja, berbeza dengan rakan-rakannya yang menyambut setiap tahun.

Orang lain sibuk membuat persiapan setiap tahun bagi meraikan ulang tahun kelahiran mereka, tetapi bagi pemilik nama Siti Najwa atau lebih mesra dipanggil Najwa ini hanya menyambut sekali dalam tempoh empat tahun.

Menurutnya, penantian selama empat tahun hanya untuk menyambut hari lahir pada 29 Februari ternyata satu nikmat yang tidak dapat dirasai melainkan bagi mereka yang lahir pada tarikh unik itu.

Dia yang juga penuntut Sarjana Pengajian Islam Teologi dan Falsafah, Uni-

versiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berkata, dia tidak merasakan dirinya ganjil malah itu satu takdir yang istimewa buat dirinya kerana dilahirkan pada 29 Februari 1992.

“Lahir pada tarikh ini bukan pelik, tetapi adalah satu anugerah kerana saya tergolong dalam keluarga tahun lompat yang sentiasa muda dari umur yang sebenar.

“Berdasarkan kiraan tahun lompat, 29 Februari ini saya akan menyambut ulang tahun yang ketujuh, berbanding umur sebenar saya yang sudah menjangkau 24 tahun,” katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Tahun lompat adalah tahun yang mengandungi lebih satu hari daripada tahun biasa iaitu 366 hari dan biasanya akan jatuh pada 29 Februari.